



PEKELILING MAJIKAN BIL. 1/2002

**BANTUAN KEWANGAN KEPADA ANAK SYARIKAT MAJIKAN YANG MENDAFTAR
DENGAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PSMB) YANG MASIH BELUM
MEMULAKAN OPERASI PERNIAGAAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini ialah untuk memaklumkan kepada majikan mengenai kelayakan, syarat-syarat dan prosedur bagi pemberian bantuan kewangan kepada anak syarikat majikan induk yang berdaftar dengan PSMB tetapi anak syarikat berkenaan belum lagi memulakan operasi perniagaan dan belum berdaftar dengan PSMB. Aktiviti perniagaan dan jumlah pekerja sesuatu anak syarikat hendaklah diliputi di bawah Jaduan Pertama, Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 dan apabila memulakan operasi mereka akan berdaftar dengan PSMB.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Seksyen 20(2), Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 telah memperuntukkan bahawa anak-anak syarikat majikan yang berdaftar dengan PSMB boleh mendapat bantuan kewangan bagi tujuan melatih pekerja mereka dengan menggunakan levi syarikat induknya. Ini bertujuan membolehkan anak syarikat majikan berkenaan mempunyai pekerja terlatih apabila memulakan operasi perniagaannya nanti.

**3. SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN BAGI MELAYAKKAN ANAK SYARIKAT
MENDAPAT BANTUAN KEWANGAN**

- 3.1 Kelayakan bagi anak syarikat mendapat bantuan kewangan adalah seperti berikut:-

- (a) Syarikat induk hendaklah telah berdaftar dengan PSMB dan membayar levi pembangunan sumber manusia;
- (b) Syarikat induk tidak mempunyai apa-apa tunggakan dalam pembayaran levi atau faedah dari tunggakan levi;
- (c) Syarikat induk membenarkan levi mereka digunakan oleh anak syarikat bagi melatih pekerja-pekerja anak syarikat berkenaan;
- (d) Anak syarikat berkenaan hendaklah layak untuk didaftarkan menurut seksyen 13(1). Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 selepas ia memulakan operasi perniagaannya; dan
- (e) Syarikat induk hendaklah bukan syarikat yang telah diberi pengecualian pembayaran levi menurut seksyen 19, Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001.

- 3.2 Disamping itu, syarikat induk perlulah memenuhi salah satu kriteria berikut

sebelum ia boleh memohon bantuan kewangan bagi anak syarikatnya:

- (a) Syarikat induk menguasai sebahagian besar komposisi ahli lembaga pengarah anak syarikat; atau
- (b) Syarikat induk menguasai lebih daripada separuh syer yang dikeluarkan oleh anak syarikat; atau
- (c) Syarikat induk menguasai lebih daripada separuh kuasa mengundi di anak syarikat.

3.3 Syarikat induk perlu mengemukakan bukti kepada PSMB bahawa mereka mempunyai kepentingan ke atas sesebuah syarikat. Dokumen yang perlu dikemukakan sebelum permohonan geran latihan dikemukakan (sekali sahaja bagi setiap anak syarikat) adalah seperti berikut:

- (a) Borang 24, Akta Syarikat 1965 yang telah disahkan benar oleh Setiausaha syarikat induk yang menunjukkan hak milik syer dan kepentingan syarikat induk terhadap anak syarikat atau carian rasmi berkaitan anak syarikat tersebut dari Pejabat Pendaftar Syarikat;
- (b) Resolusi oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk yang menunjukkan:
 - i) bersetuju untuk memohon bantuan kewangan bagi pihak anak syarikatnya; dan
 - ii) bersetuju membenarkan anak syarikat berkenaan menggunakan levi syarikat induk bagi tujuan latihan pekerja anak syarikat berkenaan.
- (c) Syarikat induk hendaklah mengemukakan [Lampiran "A"](#) yang telah dilengkapkan beserta dengan dokumen seperti diperlukan di para 3.3(a) dan 3.3(b) sebelum mengemukakan permohonan geran latihan.

3.4 Hanya anak syarikat yang diluluskan oleh resolusi Lembaga Pengarah Syarikat induk sahaja layak melatih pekerja di bawah skim ini. Pekerja dari anak syarikat lain tidak layak menggunakan kemudahan ini.

4. PROSEDUR PERMOHONAN BANTUAN GERAN LATIHAN DAN TUNTUTAN

4.1 Syarikat induk hanya boleh memohon bantuan geran latihan bagi anak syarikatnya selepas permohonannya diluluskan oleh PSMB seperti ditetapkan di perenggan 3.3(c).

4.2 Bantuan kewangan di bawah Skim Bantuan Latihan (SBL) sahaja yang latak dipohon oleh majikan dan borang permohonan hendaklah dikemukakan oleh

syarikat induk mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah skim tersebut.

4.3 Syarikat induk perlu memaklumkan pada masa membuat permohonan geran latihan dan tuntutan bayaran balik bahawa permohonan atau tuntutan tersebut adalah bagi pihak anak syarikatnya dengan menggunakan format [Lampiran "B"](#).

4.4 Jika pengajar yang mengendalikan latihan kepada pekerja anak syarikat tersebut adalah merupakan pekerja syarikat induk atau dari kumpulan syarikat induk, kos pengajar hendaklah berdasarkan kepada prorata gaji pengajar.

5. TEMPOH KELAYAKAN MENDAPAT BANTUAN KEWANGAN

5.1 Kelayakan mendapat bantuan kewangan bagi melatih pekerja anak syarikatnya ialah untuk tempoh dua (2) tahun dari tarikh bantuan kewangan pertama diterima atau setelah anak syarikat berkenaan mendaftar dengan PSMB, mana yang terdahulu.

6. TARIKH KUATKUASA

6.1 Pekeliling majikan ini berkuatkuasa pada 1hb. Februari 2002.

Sekian, terima kasih

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"

"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"

Yang ikhlas,

(RUSNAN BIN SAMAT)
Timbalan Ketua Eksekutif
b.p Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad